

Kaedah 3. Penetapan tarikh sulh.

Jika selepas menerima sesuatu saman atau permohonan bagi apa-apa kausa tindakan, Pendaftar berpendapat bahawa ada kemungkinan yang munasabah bagi penyelesaian antara pihak-pihak kepada tindakan itu, Pendaftar hendaklah—

- (a) tidak menetapkan tarikh perbicaraan tindakan itu dalam tempoh tiga bulan;

 - (b) dengan seberapa segera yang boleh dilaksanakan, menetapkan tarikh bagi pihak-pihak mengadakan *sulh*; dan

 - (c) menyampaikan notis kepada pihak-pihak mengenai tarikh yang ditetapkan itu.
-